

10 OCT 1998

Permit-Tolak

POLIS TIDAK KELUAR PERMIT UNTUK PERHIMPUNAN GERAK DI BUKIT JALIL

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Polis menolak permohonan permit Pas untuk menganjurkan perhimpunan besar-besaran menerusi Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) di Stadium Nasional di Bukit Jalil, 17 Okt ini.

Ketua Daerah Polis Cheras ACP Bakri Zinin berkata keputusan untuk tidak mengeluarkan permit itu dibuat semalam atas sebab-sebab keselamatan dan ketenteraman awam.

"Penganjur telah dimaklumkan mengenai perkara itu," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata Pas yang mengetuai Gerak membuat permohonan pada 6 Okt lepas untuk mengadakan perhimpunan yang mereka dakwa dijangka dihadiri oleh setengah juta orang di Stadium Nasional.

Gerak, yang dianggotai tiga parti pembangkang iaitu Pas, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan DAP serta sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ditubuhkan bulan lepas yang kononnya bertujuan menuntut keadilan untuk rakyat.

Bakri turut menasihatkan orang ramai supaya tidak ke Bukit Jalil pada hari dan masa yang ditetapkan itu.

Beliau berkata polis akan bertindak tegas dalam menangani perkara itu dan sebarang perhimpunan seumpama itu, jika diadakan juga dikira perhimpunan haram dan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 27 Akta Polis.

Pada 6 Okt lepas, polis menolak permohonan Pergerakan Pemuda Umno untuk mengadakan Perhimpunan Perdana Barisan Nasional di stadium yang sama bertujuan menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perhimpunan Perdana itu dijadualkan hari ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamarudin Ali berkata keputusan menolak permohonan yang dijangka dihadiri lebih 150,000 orang terdiri daripada anggota parti komponen BN dan NGO itu dibuat atas sebab-sebab keselamatan.

-- BERNAMA

SN AKD